

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 24 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) sama ada beliau akan mengisytiharkan kepada umum penyata cukai pendapatan beliau dan isteri seperti dilakukan oleh Presiden Barack Obama di Amerika Syarikat dan mantan Perdana Menteri David Cameron di United Kingdom; dan
- (b) sama ada beliau dan isteri juga akan mengisytiharkan kepada umum senarai badan amal yang menerima sumbangan peribadi daripada mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Razak pada setiap tahun tanpa gagal menjelaskan cukai pendapatan beliau kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berdasarkan pengiraan dan kadar yang telah ditetapkan oleh LHDN.

Adalah menjadi prerogatif mana-mana pemimpin untuk memberikan sumbangan kepada mana-mana badan amal.

Sekian, terima kasih.